

Oleh Azidan Nahar,
Sukhairi Thani dan
Mohd Fitrie Muhamad

bhsukan@bh.com.my

BH/07-05-14/148/2/PS-SUKMA

► Kangar

Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail mengalu-alukan ketibaan 15 kontinjen negeri yang bertanding pada Sukan Malaysia (SUKMA) 2014 yang juga temasya pertama dianjurkan di negeri ini.

Selain kontinjen negeri, Brunei juga menghantar wakil selaku pasukan jemputan pada temasya kali ini.

“Pada kesempatan ini, saya mengambil kesempatan mengucapkan selamat datang kepada kontinjen sukan dari negara Brunei Darussalam serta seluruh negeri-negeri di Malaysia yang akan ‘berkampung’ di negeri Perlis untuk semarakkan semangat kesukanan dengan aman, damai lagi tenteram,” titah baginda ketika perasmian SUKMA Perlis 2014 di sini, malam tadi.

Pada majlis berkenaan semua kontinjen negeri turut menyertai perarakan berkenaan yang bermula pada kira-kira jam 9 malam.

‘Rezeki untuk menang’

Baginda bertitah, seluruh rakyat seharusnya percaya bahawa perpaduan mampu dibentuk melalui sukan dan temasya sukan seumpama itu landasan terbaik kepada jawatankuasa mahu pun atlet yang bertanding memupuk dan mengukuhkan ikatan perpaduan tanpa ada sebarang rasa prejudis dan perbalahan.

Raja Perlis alu-alukan 15 kontinjen negeri

» Tuanku umum Stadium Utama Kangar diberi nama baharu Stadium Tuanku Syed Putra



Tuanku Syed Sirajuddin (kanan) bersama Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail menyaksikan perbarisan pada majlis pembukaan SUKMA XVII, malam tadi. [FOTO: HASRIYASYAH SABUDIN/BH]

“Pesanan saya, bertandinglah secara sihat, dan sekiranya kita tidak berjaya bukanlah bererti kita sudah kalah selama-lamanya, tetapi anggaplah ‘rezeki untuk menang’ pada ketika itu bu-

kan milik kita.

“Saya mendoakan semoga setiap atlet yang bertanding dapat menyesuaikan diri dengan keadaan sekeliling dan cuaca di negeri Perlis, seterusnya mampu

memecahkan rekod sukan sedia ada dalam acara masing-masing.

“Semoga pelbagai kejayaan lagi mampu dilakar dalam temasya kali ini,” titah baginda.